

Bab Satu

Pendahuluan

1.0 Permasalahan Kajian

Sejarah pembangunan Labuan dapat diterjemahkan melalui analisa data-data yang bersangkutan dengan aktiviti-aktiviti pelabuhan yang terpendam dalam dokumen-dokumen kolonial. Sifat asas Pelabuhan Labuan yang bermula dari sebuah pangkalan ke pelabuhan perlu diselidiki dalam usaha memahami persoalan ini melalui deskripsi dan analisa pembentukannya yang berkembang secara beransur-ansur mengikut peringkat perkembangan masa.

Pembangunan Pelabuhan Labuan tidak hanya bergantung kepada keadaan dan perubahan setempat semata-mata. Sejarah integrasi ekonomi Labuan ke dalam ekonomi serantau yang dipaparkan melalui evolusi polisi perdagangan dan pelabuhan bebas turut mempengaruhi pembentukan dan pembangunan Pelabuhan Labuan. Gabungan kemajuan ekonomi dan sosial, kejatuhan dan kemunculan pelabuhan-pelabuhan sekitar yang mewujudkan persaingan dan perkembangan teknologi perkapalan antarabangsa memainkan peranan penting di mana pelabuhan sering bertindakbalas.¹ Pengkaji yang berhasrat mengubah paradigma sejarah moden Pelabuhan Labuan perlu kembali kepada pangkuan asas untuk pemahaman yang jelas bagaimana ia dibentuk. Gabungan faktor-faktor yang berbeza perlu diambil kira sebagai unsur yang berperanan dalam pembangunan Pelabuhan Labuan selama 117 tahun.

Menurut A.B. Lopian, sesebuah pelabuhan boleh muncul kerana lokasinya yang strategik di jalur pelayaran tetapi sebuah pelabuhan entrepot akan menjadi tujuan sebuah jalur pelayaran.² Tiada sesiapa pun boleh memahami fenomena ekonomi yang berlaku di kawasan pelabuhan seandainya bergantung kepada *sense* sejarah atau apa yang boleh dilabelkan sebagai pengalaman sejarah semata-mata dan diterima sebagai fakta sebenar sejarah. Nexus antara ekonomi dan sosio-politik yang terpampang mengikut gelombang masa merupakan bentuk asas kepada sejarah pembangunan dan perkembangan Pelabuhan Labuan.

Penilaian kejayaan atau kegagalan pembangunan dan perkembangan pelabuhan dapat ditafsir melalui polisi-polisi pentadbiran kolonial ke atas sesebuah koloni.

"The Island of Labuan has had a chequered career; ceded in 1846 to Great Britain by the Sultan of Brunei as a Naval Station it was governed till 1889 as a separate Colony and, in its palmy days, was the centre of a thriving trade being, in addition, possessed of deposits of coal from which much was hoped. The Colony, however, was nearly always in financial difficulties."³

Labuan yang diserahkan kepada British pada tahun 1846 telah dijadikan sebuah stesyen tentera laut Inggeris dengan status Tanah Jajahan Mahkota sehingga 1889. Dalam tahun 1890 pentadbiran Labuan diserapkan ke dalam BNBC sehingga 1905. Pada 1906 Labuan kembali diperintah secara langsung dari London. Setahun kemudian, pulau ini menjadi sebahagian wilayah pentadbiran Singapura hampir lima tahun. Pada Disember, 1912 Labuan terpisah dari Singapura dan statusnya diangkat sebagai koloni tersendiri dalam Negeri-negeri

Selat dan kekal di bawah pentadbiran berkenaan sehingga pendudukan Jepun pada 1942. Selepas tamatnya Perang Dunia II, Labuan telah dicantumkan kepada koloni baru Borneo Utara pada 15 Julai, 1946 dan tarafnya sebagai Negeri-negeri Selat digugurkan pada hari yang sama. Labuan kekal di bawah pentadbiran Borneo Utara sehingga kemerdekaan dicapai di bawah pembentukan Malaysia pada 1963.

Walaupun Labuan sentiasa menghadapi kemelut kewangan tetapi pelabuhan ini mempunyai peranannya yang tersendiri. Pelabuhan Labuan yang berperanan mengawal nautikal British di sepanjang *Palawan Passage* dari Selat Melaka ke China dengan Terusan Palawan dan Selat Balabac bertindak sebagai pintu masuk ke Kepulauan Sulu, Indonesia dan Filipina menyebabkan British berusaha mempertahankan Labuan.

Menyentuh persoalan ini, peranan pelabuhan-pelabuhan kecil kolonial seringkali diremehkan oleh kebanyakan sejarawan yang cuba menghuraikan perubahan sosio-ekonomi serantau tanpa mempedulikan peranan pelabuhan-pelabuhan tersebut dalam menentukan arah tuju dan kepesatan pertumbuhan sosio-ekonomi yang berlaku di pelabuhan-pelabuhan utama kolonial di rantau yang sama.

1.1 Kepentingan Kajian

Pemilihan Labuan dibuat bagi mengisi lompong kajian berbentuk ilmiah yang amat kurang dijalankan oleh para penyelidik terdahulu. Kajian mengenai

pembangunan dan perkembangan Pelabuhan Labuan dalam konteks kolonial ini merupakan kajian komprehensif yang pertama dijalankan iaitu dari peringkat awal pembentukannya sehingga Sabah mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia. Keaslian kajian ini dicerminkan melalui kecenderungan analisa data-data yang dianggap tidak penting dalam pengkajian sejarah umum Labuan sebelum ini.

Selain dari itu, buat pertama kalinya data-data statistik kolonial yang melebihi tempoh satu abad disusun semula secara ekstensif untuk diterjemahkan kembali bagi mengukur pembangunan pelabuhan secara kuantitatif yang tidak dapat dibuktikan melalui sumber diskriptif.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan meninjau pembangunan dan perkembangan Pelabuhan Labuan antara tahun 1846-1963 dalam konteks kolonial. Pengkaji cenderung dan berusaha untuk membina semula struktur sejarah Pelabuhan Labuan dengan meletakkan pulau ini dalam lingkungan serantau.

1.3 Kajian Terdahulu

Penyelidikan mengenai pembangunan pelabuhan tidak diberi perhatian sewajarnya oleh para pengkaji dalam bidang pengkajian sejarah maritim Borneo. Pulau ketiga terbesar di dunia ini diberi ruang marginal yang kecil dalam persejarahan serantau.

Pembangunan Pelabuhan Labuan dilihat sebagai beku kerana kecenderungan penyelidik-penyelidik terdahulu membandingkannya dengan Singapura yang merupakan salah sebuah pelabuhan tersibuk di dunia. Umpamanya, Wong Lin Ken yang membincangkan hubungan dagangan antara Labuan dengan Singapura dalam artikel berjudul, "*The Trade of Singapore 1819-69*"⁴. Pandangan beliau telah diterima dan dikongsi oleh ramai ahli-ahli sejarah tempatan dan antarabangsa.

Kecenderungan ini terjadi kerana seawal pembentukannya terdapat penekanan yang dibuat oleh pihak British untuk menjadikan pulau tersebut sebagai "Singapura kedua" di wilayah Borneo. Penyataan tersebut telah "mengikat" pemikiran ramai pengkaji daripada membongkar realiti sebenar sejarah Labuan. Apabila perbandingan tersebut dibuat, secara jelas Labuan ketinggalan di belakang dan tidak terdapat sebarang keraguan untuk mengatakan ia tidak lebih daripada sebuah pelabuhan yang tidak berdaya saing dan mundur.

Keterikatan tersebut menyebabkan peranan Pelabuhan Labuan tenggelam dan tidak diberi ruang yang sewajarnya dalam persejarahan serantau. Kemajuan tidak dapat dilihat sekiranya kajian tentang pembangunan dan perkembangan dalaman yang berlaku di Labuan tidak diselidiki sepenuhnya.

Kebanyakan tulisan yang dihasilkan mengenai Borneo dan Borneo Utara atau Sabah turut menyelitkan perbincangan tentang Labuan secara umum. Tulisan-tulisan tersebut lebih menjurus kepada pentadbiran Labuan yang

dihubungkan dengan kegiatan ekonomi menyebabkan signifikasi sebenar Labuan tidak begitu menonjol dalam konteks Borneo.

Antaranya, Charles Robequain, **Malaya, Indonesia, Borneo and the Philippines, A Geographical, Economic and Political description of Malaya, the East Indies and the Philippines**,⁵ Nicholas Tarling, **Sulu and Sabah, A Study of British Policy Towards the Philippines and North Borneo from the Late Eighteenth Century**⁶ dan **Britain, the Brookes and Brunei**⁷ serta James F. Warran, **The Sulu Zone 1768-1898, The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asia Maritime State**.⁸ Dalam kajian mereka Labuan disentuh secara tidak langsung tetapi terperinci di peringkat awal pembentukan sehingga akhir abad ke 19 mengenai hubungan pulau ini dengan Sulu dan Borneo Utara. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut lebih tertumpu kepada hubungan politik dan perdagangan pulau tersebut dengan Sulu pada abad ke 19 tanpa melihat secara keseluruhan hubungan Labuan dengan dunia luar yang lain. Sungguhpun begitu, tulisan-tulisan tersebut boleh dijadikan panduan kepada pengkaji untuk memahami Labuan di peringkat awal pembangunannya.

R.A.M. Wilson dalam bukunya, **A Cargo of Spice or Exploring Borneo**⁹ juga menyentuh secara dasar dan cuba menghurai tentang Labuan tetapi lebih menumpukan kepada isu-isu arang batu dan pentadbiran. Beliau turut menekankan bahawa Labuan gagal berkembang dan terpaksa mengharap bantuan geran imperial kerana bergantung kepada arang batu sebagai satu-satunya

sumber pendapatan Labuan. Beliau membuat rumusan tanpa menganalisa fakta sebenar.

Sementara itu, Graham Irwin, **Nineteenth Century Borneo: A Story in Diplomatic Rivalry**,¹⁰ Anwar Sullivan dan Cecelia Leong dalam esei berkumpulan, **Commemorative History of Sabah 1881-1981**,¹¹ M.Cleary dan P. Eaton, **Borneo Change and Development**¹² dan Ronald J. Brooks, **Under the Five Flags, The Story of Sabah**¹³ lebih terikat kepada isu-isu biasa yang dihuraikan dalam sejarah Borneo dan Borneo Utara atau Sabah yang berkaitan dengan persoalan pentadbiran, politik dan sosial yang menyentuh Labuan secara am dalam karya-karya mereka.

Tulisan memoir M. Hall pula, **Labuan History, Memoirs of a Small Island Near the Coast of North Borneo**¹⁴ lebih cenderung kepada catatan seorang pemerhati dan pandangan peribadi tentang Labuan tanpa satu bentuk ulasan ilmiah dijalankan secara konkrit. Beliau menyentuh hampir kesemua aspek kehidupan di Labuan yang melibatkan aktiviti manusia dan alam semulajadi. Manakala tulisan Cecilia Leong dalam **Labuan: Past, Present and Future**¹⁵ lebih memberi penekanan kepada aspek pentadbiran dan kemudahan infrastruktur. Tulisan yang dihasilkan sempena pertukaran status pemerintahan Labuan yang menjadi Wilayah Persekutuan ini lebih cenderung ke arah kempen kerajaan.

Setakat ini tidak terdapat satu kajian khusus mengenai pembangunan Pelabuhan Labuan yang ditulis oleh sejarawan atau ahli sains sosial. Kajian paling hampir yang pernah dihasilkan oleh beberapa pelajar di peringkat ijazah pertama

ialah Rohiman Rohia, "Labuan 1846-1941: Perdagangan dan Pelabuhan"¹⁶ dan Yap Hyue-Pen, "The Founding of Labuan."¹⁷ Artikel Adrian B. Lopian yang bertajuk "Peta Pelayaran Nusantara Dari Masa Ke Masa", yang mengutarakan persoalan mengenai pengaruh jalur pelayaran dalam pembentukan dan perkembangan sesebuah pelabuhan di nusantara dapat dijadikan pedoman dalam membincangkan kajian ini.¹⁸

Kekurangan kajian sejarah mengenai Borneo yang menekankan kepada satu kes kajian yang terkeluar dari kepompong topik-topik yang biasa disentuh oleh penulis-penulis tempatan dan antarbangsa dirasai oleh beberapa penyelidik. Umpamanya, Mohammad Raduan Mohd. Ariff, **Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Udang: Satu Kajian Mengenai Sejarah Perikanan Di Borneo Utara 1750-1990**¹⁹ yang berjaya membawa perubahan dalam menjawab realiti sejarah yang terpendam dalam pembangunan sumber maritim di Borneo. Beliau membuktikan perkembangan industri perikanan mempunyai pertalian yang sangat kuat di antara pemerintah, pasaran, pemodal, buruh dan teknologi.

Usaha-usaha beliau diteruskan oleh penyelidik-penyelidik muda di peringkat ijazah pertama seperti Nadzirah Ashari,²⁰ Nor Azliah Md. Nor,²¹ Noriah Ibrahim,²² Norizan Mat Zain,²³ Nor Zuraidda bt. Mustaffa,²⁴ Rosnani Awang,²⁵ Rosnita bt. Jusuh,²⁶ Syarin bin Said²⁷ dan Yusmilayati Yunus²⁸ dalam menggali dan menilai kembali sejarah Borneo yang boleh dijadikan rujukan oleh pengkaji. Sementara itu, beberapa kajian di peringkat sarjana yang mempunyai perkaitan dengan Singapura telah dijalankan oleh Ichiro Sugimoto²⁹, Hanizah Idris³⁰, Siti

Khajar Md. Shah³¹ dan Ruhana Padzil³² yang juga boleh dijadikan panduan dalam penyelidikan ini.

1.4 Struktur Tesis

Setiap bab dipersembahkan mengikut empat tema utama yang disusun secara kronologi masa yang spesifik dengan cara meninjau semula data-data asas import-eksport, perkapalan, kewangan dan infrastruktur yang seringkali diabaikan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Pembinaan bab-bab berlandaskan kepada perjalanan Labuan daripada sebuah pangkalan semulajadi kepada pelabuhan terancang.

Analisa adalah sistematik dan disokong kuat oleh sumber-sumber primari. Pembangunan Pelabuhan Labuan dihuraikan kembali dengan menggunakan tema perdagangan, perkapalan, infrastruktur dan kewangan sebagai tunjang penganalisaan yang mampu memperlihatkan keasliannya yang tersendiri. Perbincangan dikaitkan dengan latarbelakang yang lebih meluas melibatkan perspektif regional terutamanya dalam konteks Laut China Selatan.

Tema pasaran akan menfokuskan kepada perubahan perdagangan komoditi eksport dan import yang akan turut menyentuh rakan dagangan. Tema yang seterusnya akan melihat kepada perkembangan sektor perkapalan di Labuan yang melibatkan bilangan dan jenis-jenis kapal. Sebagai tambahan, data-data perkapalan akan bertindak dengan asal dan destinasi kapal yang singgah di pelabuhan. Peranan pentadbiran yang berbeza-beza di Labuan turut dikaji dalam

dua tema yang berkaitan dengan pembangunan infrastruktur dengan meninjau perkembangannya di pelabuhan dan pembangunan fizikal Labuan secara keseluruhan. Seterusnya persoalan kewangan yang melibatkan perbelanjaan dan pendapatan akan ditinjau.

Perbincangan akan dibahagikan kepada lima tahap berdasarkan kepada perubahan struktur pentadbiran. Bab I merupakan bab pendahuluan yang akan mengutarakan permasalahan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, kajian terdahulu, struktur tesis dan sumber penyelidikan.

Bab II akan menyentuh permulaan pertapakan dan pembentukan Labuan (1846-1868) oleh pihak British. Penekanan diberikan pada bab ini untuk menerangkan peringkat awal Labuan sebagai pangkalan semulajadi (*natural harbour*) sehingga terbinanya sebuah pelabuhan. Bab ini juga dijadikan landasan untuk menerangkan konsep-konsep yang akan mewakili penghuraian dalam bab-bab seterusnya.

Kemasukan British telah mengubah peranan pulau yang tidak berpenghuni ini menjadi sebuah pengkalan tentera laut dan pelabuhan perlindungan (*port of refuge*) bagi membentasi kegiatan perlanungan yang mengancam perdagangan Inggeris di Laut China Selatan. Selaras dengan tujuan British di timur, dalam tahun 1848 fungsi Labuan dikembangkan pula menjadi sebuah pelabuhan komersial dengan usaha pembangunan infrastruktur dibangunkan oleh pihak swasta. Walaupun kemudahan infrastruktur pelabuhan sangat terhad tetapi Labuan masih disinggahi kapal-kapal perdagangan dan kapal perang bagi tujuan

perdagangan dan *bunkering*. Dalam tempoh ini hasil hutan, hasil laut dan arang batu merupakan komoditi penting bagi perdagangan Labuan. Pembangunan dan perkembangan pelabuhan pula bergantung kepada keperluan perkapalan dan perdagangan semasa.

Bab III akan melihat perkembangan yang berlaku di Labuan selama 20 tahun (1869-1889) selepas berakhirnya bantuan kewangan dari Perbendaharaan Imperial. Tempoh ini memperlihatkan usaha Labuan dalam mempertingkatkan pembangunan ekonominya yang secara keseluruhannya adalah lebih baik berbanding 20 tahun sebelum itu. Selain percaturan politik serantau dan tekanan pentadbiran dalaman, pembukaan lebih banyak pelabuhan baru di Borneo Utara turut memberi cabaran dan menuntut Labuan untuk lebih berdaya saing bagi menarik perhatian pedagang-pedagang. Usaha pembangunan pelabuhan masih dijalankan oleh pihak swasta dan bentuk komoditi yang diperdagangkan juga tidak mengalami perubahan ketara. Bab ini turut menyentuh pengaruh pembukaan terusan Suez pada tahun 1869 dalam perkembangan sektor perkapalan di Pelabuhan Labuan. Pembangunan dan perkembangan pelabuhan masih lagi mengikut arah aliran seperti sebelumnya.

Bab IV akan membincangkan pembangunan Pelabuhan Labuan dalam pentadbiran BNBC (1890-1906) dengan statusnya sebagai Tanah Jajahan Mahkota dikekalkan. Kebajikan pulau ini yang diabaikan oleh BNBC menyebabkan Pelabuhan Labuan semakin tertekan dengan pembukaan pelabuhan-pelabuhan baru *company* di Borneo Utara. Sehingga tempoh ini urusan

pembangunan pelabuhan masih diserahkan kepada pemodal-pemodal swasta dengan pembangunan infrastruktur yang masih terhad. Namun begitu, sektor perkapalan menunjukkan aliran perubahan apabila peningkatan berlaku dalam bilangan kapal-kapal dari Eropah dan Asia Tenggara. Manakala hasil laut tidak lagi relevan dalam perdagangan Labuan. Arah pembangunan dan perkembangan pelabuhan masih lagi bergantung kepada keperluan semasa perkapalan dan perdagangan.

Bab V membicarakan kedudukan Pelabuhan Labuan dalam Negeri-negeri Selat (1907-1941). Perdagangan mengalami pertumbuhan yang menggalakkan selaras dengan perkembangan ekonomi dunia pada suku pertama abad ke 20 dengan berlaku perubahan dalam sektor ekonomi pelabuhan apabila hasil pertanian menjadi komoditi yang utama. Namun begitu, kemakmuran perdagangan tidak berterusan apabila berlakunya kemelesetan besar ekonomi dunia 1929-1932. Perubahan juga berlaku dalam usaha menyediakan kemudahan infrastruktur apabila peranannya mula diambil alih oleh pihak kerajaan. Penglibatan kerajaan secara langsung dalam pembangunan infrastruktur telah meningkatkan perbelanjaan kerana ia melibatkan pelaburan modal pemerintah. Arah pembangunan dan perkembangan pelabuhan masih lagi berasaskan kepada keperluan semasa sektor perdagangan dan perkapalan.

Bab VI menyentuh pembangunan pelabuhan semasa pendudukan Jepun sehingga kemerdekaan Sabah (1942-1963). Perang Dunia II menyedarkan British sekali lagi tentang kepentingan geo-politik Labuan. Perang juga menyaksikan

kemusnahan kawasan pelabuhan yang melumpuhkan aktiviti-aktiviti asas pelabuhan. Penghuraian dan pendekatan penerangan yang berbeza dilakukan untuk menerangkan proses kelahiran semula (*re-birth*) sebuah pelabuhan yang terancang di Victoria Harbour berbanding dengan keadaan sebelumnya.

Usaha pembangunan dan pembinaan semula Pelabuhan Labuan dijalankan oleh kerajaan dengan geran dan pinjaman kewangan kolonial dan beberapa badan luar yang lain. Buat pertama kalinya dalam sejarah Labuan, satu bentuk pelan pembangunan yang terancang dan komprehensif disediakan bagi menjana pembangunan pelabuhan dengan mengambilkira potensi persekitaran pada masa depan. Statusnya sebagai sebuah pelabuhan bebas cukai dikembalikan dengan perkhidmatan *bunkering* yang dijalankan bertukar dari sumber arang batu ke petroleum. Petroleum, barangan pembuatan dan hasil pertanian serta balak merupakan komoditi utama yang diperdagangkan pada masa tersebut.

1.5 Sumber Penyelidikan

Melalui kaedah penyelidikan sejarah dalam menganalisa pembangunan pelabuhan, ia sudah pasti akan menyentuh mengenai perubahan masa dan penerusan. Penyelidikan adalah bersifat empirikal yang menggunakan bahan-bahan primari dari beberapa buah arkib dan perpustakaan yang boleh didapati dalam bentuk manuskrip dan bahan bercetak yang tersimpan dalam bentuk mikrofilem, mikrofis atau salinan asal. Rekod-rekod kolonial tersebut melibatkan lokasi, pengeluaran, pengangkutan, pasaran dan kewangan.

Sebagai tambahan buku, suratkhabar, artikel, tesis dan latihan ilmiah digunakan sebagai rujukan sokongan. Bahan-bahan tersebut tersimpan dan boleh didapati di beberapa tempat seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-undang Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, Perpustakaan Ibu Pejabat Kementerian Pertanian, Perpustakaan Universiti Filipina Diliman, Perpustakaan Universiti Ateneo de Manila, Perpustakaan Instituto de Cervantes Manila, Arkib Negara Kuala Lumpur, Arkib Negeri Sabah dan Arkib Nasional Manila.

Secara amnya, berlandaskan kronologi kerangka tesis, bahan-bahan primari yang berlainan digunakan bagi setiap sub tajuk dalam setiap bab. Kajian ini meneliti dan menganalisa dokumen yang pelbagai disebabkan satu siri fail tidak menyediakan segala maklumat yang dikehendaki. Dokumen-dokumen juga tidak mempunyai satu sistem yang sistematik dan konsisten dalam kaedah merekodkan sesuatu item atau artikel. Bagaimanapun, masa yang panjang telah diambil oleh pengkaji untuk mengumpul, menyeragamkan, menyemak dan menganalisa secara teliti dan berulang kali.

Bagi tahap pertama (1846-1868), tahap kedua (1869-1889) dan tahap ketiga (1890-1906) data-data statistik berkenaan bilangan, jenis, destinasi, berat dan kewarganegaraan kapal serta bilangan anak kapal disusun dari Labuan: LMBBS 1848-1906. Manakala bagi tahap keempat (1907-1941) rekod *SSBB*

1908-1938 digunakan dan tahap kelima (1942-1963) disusun dari *ARCNB 1948-1963* yang hanya menjelaskan data-data tanan kapal dan kargo sahaja.

Sumber yang sama digunakan untuk menyusun data-data statistik bagi pendapatan dan perbelanjaan koloni serta demografi penduduk sepanjang tempoh tersebut. Namun begitu, *ARSS 1907* dan *ARRBDSS 1908-1910* dan *Report on Labuan 1924* digunakan sebagai sumber tambahan untuk demografi penduduk bagi tahap keempat.

Manakala data bagi eksport-import yang melibatkan kelas, jenis, nilai, kuantiti dan rakan dagangan bagi tahap pertama, kedua dan ketiga disusun dari *LBBPRHMCP 1881* dan *LMBBS 1848-1906*. Bagi tahap keempat pula data disusun dari *SSBB 1908-1927*, *ARTDSS 1909-1927*, *Report on Labuan 1919-1928* dan *FTM 1927-1938*.

Walaupun pengkaji berusaha menyusun data-data statistik Labuan secara terasing bagi tahap kelima tetapi gagal kerana maklumat eksport-import yang terdapat dalam *ARCNB 1948-1963* telah dicantumkan sebagai sebahagian rekod koloni. Sektor perdagangan Labuan hanya dilaporkan dalam bentuk deskriptif dalam laporan-laporan kolonial. Namun begitu, nilai dagangan masih boleh diperolehi bagi tahun-tahun tertentu ketika perdagangan perantaraan di Borneo Utara dihadkan di Pelabuhan Labuan sahaja. Perubahan sifat data mempengaruhi bentuk analisa bagi bertindakbalas dengan objektif kajian. Justeru itu, huraian sektor perdagangan akan dicuba menerusi penganalisan data-data statistik kewangan, demografi dan perkapalan.

Selain daripada penggunaan rekod-rekod di atas dalam penghujuhan tesis, bahan-bahan seperti surat-menyurat, memorandum, diari, prospektus syarikat, laporan tahunan, gazet, laporan khas dan sebagainya digunakan untuk mengukuhkan penganalisan bagi tahap pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima. Tiada jangkamasa yang khusus dalam penggunaan bahan-bahan primari yang bersifat diskritif kerana terdapat dokumen atau laporan tertentu yang menghuraikan kejadian yang berlaku 10 atau 50 tahun sebelum itu.

Antara sumber-sumber yang digunakan ialah Labuan Original Correspondence, Series 144, 1844-1906; Labuan Entry Books of Correspondence, Series 404; Straits Settlements Correspondence, Series 273, 1838-1946; North Borneo, Brunei, Sarawak: Original Correspondence, Series 531, 1907-1951; *Isla de Borneo: Book 1 (Toma I dan II)*, 1845-1891, Great Britain: Foreign Office (Treaties: Borneo); British North Borneo Company Papers, Series 874, 1865-1951; *LMLC*, 1849-1906; *SSLCP* 1907-1938; *LOG*, 1890-1906; *BBMAG* 1945-1946; *CNBG* 1946-1948; *LBB* 1885-1895; *LBBPRHMCP* 1881-1884; *ARSS* 1907-1938; *SSSP* 1907-1938; *ARALIR* 1952; *Report on the Reconstruction of the Wharves at Labuan, Jesselton, Sandakan, Kudat and Tawau, North Borneo by Messrs, Vaughan-Lee, Frank & Gwyther*, 28th Jul, 1948; *Report on the Reconstruction and Development Plan for North Borneo, 1948-55*; *Report of the War Damage Claims Commission from July 1947 to June 1952, Colony of Sarawak, Colony of North Borneo, State of Brunei*; *Report of the Commissions Appointed by His Excellency The Governor of the Straits Settlements and The*

High Commissioner of the Federated Malay States to enquire into certain matters relating to the public service 1919; Borneo Singapore Free Press; Straits Times dan British North Borneo Herald.

Nota Hujung

- ¹ Sila rujuk Javier Aguilera Rojas, **Manila 1571-1898, Occidente en Oriente**, Madrid, Artes Gráficas Palermo, 1998, hlm. 1-181.
- ² Adrian B. Lapan, "Peta Pelayaran Nusantara Dari Masa ke Masa," **Jati**, Bil. 2, Disember, 1996, hlm.35.
- ³ . *Report of the Commisions Appointed by His Excellency the Governor of the Straits Settlements and the High Commissioner of the Federated Malay States to enquire into certain matters relating to the public service 1919*, hlm. 11.
- ⁴ . Wong Lin Keng, "The Trade of Singapore 1819-69," Singapore, **JMBRAS**, Vol. XXXIII, Part 4, 1961, hlm. 92-8.
- ⁵ . Charles Robequain (terjemahan oleh E.D. Laborde), **Malaya, Indonesia, Borneo, and the Philippines, A Geographical, Economic and Political description of Malaya, the East Indies and the Philippines**, London, Longmans, Green and Co., 1955.
- ⁶ . Nicholas Tarling, **Sulu and Sabah, A Study of British Policy Towards the Philippines and North Borneo from the Late Eighteenth Century**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1978.
- ⁷ . _____, **Britain, the Brookes and Brunei**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1971.
- ⁸ . James F. Warren, **The Sulu Zone 1768-1898, The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State**, Quezon City, New Day Publishers, 1985.
- ⁹ . R.A.M. Wilson, **A Cargo of Spice or Exploring Borneo**, London, The Radcliffe Press, 1994.
- ¹⁰ . Graham Irwin, **Nineteenth Century Borneo: A Story in Diplomatic Rivalry**, Singapore, Donald Moore Books, 1955.
- ¹¹ . Anwar Sullivan, Cecelia Leong (Ed.), **Commemorative History of Sabah 1881-1981**, Kuala Lumpur, Sabah State Government, 1981.
- ¹² . M.Cleary dan P. Eaton, **Borneo Change and Development**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1995.

-
- ¹³. Ronald J. Brooks, **Under the Five Flags, The Story of Sabah**, Edinburgh, The Pentland Press, 1995.
- ¹⁴. M. Hall, **Labuan History, Memoirs of a Small Island Near the Coast of North Borneo**, Jesselton, Chung Nam Printing, 1958.
- ¹⁵. Cecilia Leong dalam **Labuan: Past, Present and Future**, Sabah, Sabah State Government, Tiada Tahun.
- ¹⁶. Rohiman Rohia, "Labuan 1846-1941: Perdagangan dan Pelabuhan," Latihan Ilmiah (B.A Hons.), Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1993/94.
- ¹⁷. Yap Hyue-Pen, "The Founding of Labuan," Latihan Ilmiah (B.A Hons.), Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1958.
- ¹⁸. Adrian B. Lopian, **op.cit.**
- ¹⁹. Mohammad Raduan Mohd. Ariff, **Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Udang: Satu Kajian Mengenai Sejarah Perikanan Di Borneo Utara 1750-1990**, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1995.
- ²⁰. Nadzirah Ashari, "Pertumbuhan Dan Perkembangan Pelabuhan Miri Sebagai Pelabuhan Minyak 1910-1963," Latihan Ilmiah (B.A Hons.), Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1997/98.
- ²¹. Nor Azliah Md. Nor, "Elopura-Sandakan 18979-1963: Perdagangan Dan Pelabuhan," Latihan Ilmiah (B.A Hons.), Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1997/98.
- ²². Noriah Ibrahim, "Mengisi Ruang Sejarah: Provinsi Keppel 1877-1941," Latihan Ilmiah (B.A Hons.), Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1998/99.
- ²³. Norizan Mat Zain, "Persempadanan Air Di Perairan Borneo Utara 1878-1930," Latihan Ilmiah (B.A Hons.), Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1997/98.
- ²⁴. Nor Zuraida bt. Mustaffa, "Provinsi Dent 1877-1941: Dari Kesultanan Melayu Kepada Pedagang Ke *Company*," Latihan Ilmiah (B.A Hons.), Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1998/99.

-
- ²⁵. Rosnani Awang, "Daerah Tawau 1878-1941: Pusat Perkembangan Di Teluk Cowie," Latihan Ilmiah (B.A Hons.), Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1998/99.
- ²⁶. Rosnita bt. Jusoh, "Perjanjian Penyerahan Borneo Utara 1877-1902: Dari Ketuanan Sungai Bebas Ke British North Borneo Company," Latihan Ilmiah (B.A Hons.), Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1998/99.
- ²⁷. Syahrin bin Said, "Banguay Island 1881-1941: Gerbang Ke Teluk Marudu," Latihan Ilmiah (B.A Hons.), Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1998/99.
- ²⁸. Yusmilayati Yunos, "Hubungan Perdagangan Pelabuhan Kuching Dengan Singapura 1900-1963," Latihan Ilmiah (B.A Hons.), Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1997/98.
- ²⁹. Ichiro Sugimoto, "Analisis Struktur Pentadbiran Kewangan British di Negeri Johor, 1896-1957," Tesis M.A, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1997.
- ³⁰. Hanizah Idris, "Pembangunan Dan Perkembangan Infrastruktur Pelabuhan Singapura, 1819-1941," Tesis M.A, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1995.
- ³¹. Siti Khajar Md. Shah, "Sejarah Pertahanan Pulau Singapura Dan Wilayahnya, 1819-1927," Tesis M.A, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1995.
- ³². Ruhana Padzil, "Perbekalan Air Johor – Singapura, 1824-1968," Tesis M.A, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1998.